

Persidangan Antarabangsa ke-27 Mengenai 'Masa Depan Asia'

# Syor sidang khas bincang isu serantau, antarabangsa

## PM tegaskan tiada kompromi sebarang ancaman kedaulatan di Laut China Selatan

**Tokyo:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata Sidang Kemuncak Jepun-ASEAN khas akan diadakan bagi membincangkan dengan mendalam isu serantau dan antarabangsa.

Beliau mencadangkan sidang khas itu kepada Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida dalam pertemuan mereka di Tokyo kelmarin dan menjelaskan bahawa Jepun perlu membuat libat urus bukan dengan Malaysia sahaja, tetapi ASEAN dan Kishida bersetuju mengadakannya tahun depan.

"ASEAN, biasanya pendirian ASEAN, bukan pendirian negara secara berasingan," katanya kepada wartawan Malaysia di Tokyo semalam di akhir lawatan kerja rasminya ke Jepun.

Ismail Sabri berkata, beliau juga menyatakan kepada Kishida bahawa Malaysia tidak akan ber-

kompromi ke atas sebarang bentuk ancaman terhadap kedaulatannya di Laut China Selatan.

Dalam mengendalikan isu Laut China Selatan yang kompleks dan membabitkan hubungan antara negara, katanya, semua negara berkaitan perlu kekal komited dalam mengekalkan Laut China Selatan sebagai perairan yang bebas untuk pelayaran.

Menegaskan tindakan yang diambil Malaysia apabila ada isu pencerobohan di Laut China Selatan adalah dalam bentuk bantahan dan rundingan dengan pihak terbabit, Perdana Menteri berkata: "Bila ada isu berkaitan, kita selesaikan dengan perundingan".

Berhubung konflik Rusia-Ukraine, Ismail Sabri memaklumkan kepada Kishida bahawa Malaysia tidak menyokong sebarang pelanggaran prinsip asas seperti kedaulatan serta keutuhan wilayah setiap negara dan undang-undang antarabangsa.

Beliau berkata, Malaysia juga bimbang dengan kesan konflik itu, termasuk yang dialami negara tidak terbabit secara langsung dalam konflik berkenaan seperti kesan ke atas aspek jaminan bekalan makanan.

Perdana Menteri juga memaklumkan, Malaysia dan Jepun bersetuju supaya hubungan dua hala

dinaikkan taraf ke peringkat yang lebih komprehensif dan Dasar Pandang ke Timur (DPT) diteruskan dengan membina kerjasama baharu seperti dalam bidang tenaga, bandar pintar, alam sekitar dan perubahan iklim.

Pada pertemuan dengan Kishida kelmarin, Ismail Sabri telah mencadangkan supaya hubungan Malaysia-Jepun dinaikkan taraf di samping menyatakan kesediaan meneruskan Dasar Pandang ke Timur dan ia disambut baik oleh Kishida.

Kedua-dua pemimpin turut bersetuju perbincangan lanjut diadakan bagi menyelaras peningkatan taraf hubungan Malaysia-Jepun itu serta rangka untuk lebih jelas dari segi peningkatan hubungan. Hubungan Malaysia-Jepun dinaikkan taraf daripada *enhanced partnership* ke *strategic partnership* pada 2015.

Menurut Ismail Sabri, Kishida pernah melawat Malaysia pada 2015 sebagai Menteri Luar ketika itu dan pada tahun berkenaan, taraf hubungan Malaysia-Jepun telah ditingkatkan daripada *enhanced partnership* kepada *strategic partnership*.

Dalam pertemuan yang berlangsung di Kantei atau Pejabat Perdana Menteri Jepun kelmarin, beliau mengadakan perbincangan dua hala dengan Kishida bagi memperkukuh hubungan Malaysia-Jepun yang sekian lama terjalin dan ia adalah pertemuan bersemuka kali pertama antara mereka.

Kedua-duanya pernah berhu-



Ismail Sabri pada sidang media sempena lawatan kerja rasminya di Tokyo, semalam. (Foto BERNAMA)

bung menerusi telefon pada 2 Disember 2021 dan 20 April lalu bagi membincangkan pengukuhan hubungan Malaysia-Jepun serta membincangkan isu serantau dan antarabangsa, yang Malaysia dan Jepun mempunyai kepentingan bersama.

Ini juga kali pertama Kishida menjadi hos kepada Perdana Menteri Malaysia sejak memegang jawatan Perdana Menteri Jepun pada Oktober 2021. 2022 adalah ulang tahun ke-65 penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-Jepun dan juga ulang tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur.

Ismail Sabri berkata, beliau telah menyampaikan penghargaan kepada Kishida di atas sokongan dan bantuan Jepun dalam usaha-usaha pembangunan di Malaysia dalam konteks pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur.

"Kita menyatakan kesediaan Malaysia meneruskan dasar ini dengan Jepun secara membina program kerjasama baharu seperti tenaga, bandar pintar, alam sekitar dan perubahan iklim," katanya menambah, mereka juga bersetuju kerjasama bidang ekonomi perdagangan dan pelaburan terus ditingkatkan.

Jepun adalah rakan dagang keempat terbesar Malaysia sejak

2015 dengan nilai dagangan pada 2021 berjumlah AS\$35.9 bilion, meningkat kira-kira 20 peratus berbanding AS\$29.6 bilion pada 2020. Jepun adalah pelabur ketiga terbesar dalam kategori jumlah projek sektor pembuatan.

Nilai pelaburan dari 1980 hingga 2021 adalah AS\$27.6 bilion dengan 2,709 projek sektor pembuatan dilaksanakan. Pada 2021, sebanyak AS\$1.81 bilion jumlah pelaburan telah dicatatkan, membabitkan 25 projek sektor pembuatan diluluskan.

Ismail Sabri berkata, beliau juga memberi jaminan kepada Kishida proses penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia akan dimuktamadkan dalam masa terdekat selepas Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memaklumkan masalah teknikal telah selesai.

Hasrat untuk menubuhkan sebuah kampus cawangan institusi pengajian tinggi (IPT) Jepun di Malaysia telah diutarakan pada Jun 2018 bagi memberi lebih pendedahan dan akses kepada sistem pendidikan Jepun kepada pelajar Malaysia.

"Kita beri jaminan universiti (itu) dapat ditubuhkan dalam masa terdekat," kata Ismail Sabri.

BERNAMA